

Membangun Budaya Pemikiran Kritis

Azhar Ibrahim Alwee

Dalam setiap masyarakat, mutu dan keluasan pemikiran menentukan bagaimana masyarakat itu dapat membangun dan menyahut cabaran yang ia hadapi.

Pemikiran yang bermutu dan berhemah datang daripada dua segi keintelektualan dan kesedaran manusia. Pertama segi kritis dan kedua segi kreatif yang seyogianya saling melengkapi antara satu sama lain.

Budaya kritis boleh ditakrifkan sebagai ikhtiar dan daya intelektual dan moral untuk membangun, mempertajam dan memperhalusi serta mengembangkan bidang ilmu tersebut. Kemampuan mengkritik dibangun secara sedar, ada perancangan dan anjal untuk membuat penyesuaian dari masa ke masa.

Dalam masyarakat Melayu, budaya kritik ini boleh kita bangunkan bertolak daripada apresiasi kita pada tradisi intelektual kita baik daripada yang dahulu dan kini, yang memang banyak terakam dalam tradisi lisan dan sastera bertulis kita.

Kedua ialah daripada tradisi keagamaan Islam kita sendiri yang kaya dengan aliran pemikiran yang tidak cukup kalah dengan tradisi kritis dan kreativiti pemikirannya.

Ketiga ialah pemanfaatan kita daripada dunia ilmu moden, baik daripada sains kemasyarakatan, falsafah sosial, kejiwaan (psikologi) dan lain-lain cabang ilmu yang terbangun hari ini.

Budaya kritik harus terkedepan untuk menebas lalang-lalang pemikiran yang berjenis namanya seperti keutopianian, dogmatisme, neo-feudalisme, neo-kolonialisme sehingga ke ekonomisme.

Tugas kritis bukanlah tugas memalukan, mencemuh, memperkecil, memperlekehkan kehadiran sesuatu idea dan pemikiran. Tugas kritis adalah memupuk proses pencarian makna yang dapat memberi pengertian sepadu kepada kehidupan manusia, serta menolak korupsi makna, nilai dan pemikiran.

Sebagai suatu upaya moral-etika dan intelektual, tugas kritis ialah menegakkan kebebasan, kesejahteraan dan keadilan untuk setiap manusia. Dalam kata lain, tugas kritis ialah memperbetulkan kesilapan yang berlangsung, menegur yang terlanjur, membaikpulih yang merosak dan menawarkan jalan keluar sesuatu masalah dan kebuntuan.

Dalam usaha kita membina dan menggalakkan budaya dan pemikiran yang kritis, kita perlu selalu beringat akan beberapa perkara penting. Seharusnya kita:

- Menerima kritikan berdasarkan penilaian dan uji kritis yang mapan dan boleh dipertanggungjawabkan;
- Memastikan kritikan itu sensitif akan nuansa dan perspektif lokal, namun tidaklah sampai menyempit pemahaman kebudayaan kita, ataupun menggalakkan pemahaman yang parokial atau sempit;
- Ia harus lebih baik, bermutu dan teruji daripada apa yang sedia ada selama ini; dan
- Ia tidak mudah menerima dan mencanangkan sesuatu kritikan itu hanya kerana ia digubal oleh teman-teman akademik kita atau pakar yang kita senangi dan kenali.

Budaya pemikiran kritis memerlukan suasana menerima kritis secara terbuka dan profesional. Kesungguhan kritikan mestilah seluas visi kemanusiaan yang kita idamkan, sebagaimana yang diajukan dalam universalisme agama kita.

Salah satu cara untuk membangun budaya kritis yang berisi ialah kemampuan kita untuk memadukan visi sejagat, namun yang tetap berpijak di bumi nyata, iaitu sintesis yang perlu diusahakan.

Budaya kritik hanya boleh kukuh dan bermakna kalau kita membicarakan soal kemanusiaan dalam konteks yang konkrit (membumi). Kita gigih menterjemah kupasan diagnostik (punca kemelatan) itu kepada penghuraian apa jua masalah dan cabaran yang ada. Ertinya ada keterjalinan antara idea dan amalan.

Pemikiran kritis akan menyelamatkan kita daripada kejumudan fikiran, yang boleh menumbuhkan bibit pemikiran yang sinisme, kenisbian dan ketaksuban bahawa kitalah serba mulia dan sempurna. Inilah yang terletak di atas bahu golongan cerdik pandai yang tidak boleh lagi berpuas hanya di lapangan pengkhususan masing-masing.

Kelompok ini harus lihat bahawa memperluas wacana kritikan bukan setakat untuk memecahkan tembok disiplin ilmu tetapi terpanggilnya kita untuk membicarakan persoalan kehidupan manusia itu sendiri.

Golongan cerdik pandai wajib terkedepan untuk menyatakan kebenaran serta kesungguhan dalam:

- Memecahkan ideologi atau gagasan idea yang mencengkam dan menyempit;
- Menyinggung segala autoriti yang berlagak seperti kependetaan yang serba benar sehingga ia 'akur' tidak boleh salah;
- Mencari punca kemelatan dan keterabaian dalam masyarakat; serta
- Mendedahkan dan mencari sebab pelanggaran moral-etika dan bukan setakat mengutuk dan berpanik akan gejala itu.

Jika kita tidak mahu mempersoal, tanyalah siapalah yang harus dan akan melaksanakan tugas ini? Di sinilah letaknya pertanggungjawapan di kalangan cerdik pandai dalam masyarakat.

Ini tentulah memerlukan kesedaran sosial yang kritis, berpandukan idealisme yang berkemahuan dan harapan untuk memperbaiki sesuatu kepada tingkat yang lebih bermutu dan sempurna.

Sesungguhnya idealisme itu penting guna melawan pesimisme dan sinisme. Idealisme bukanlah cakap-cakap kosong melainkan ia mengarah kepada suatu tekad, wawasan dan praksis/aksi.

Apabila idealisme disokong oleh pendekatan yang ampuh, di situlah budaya kritis dapat tumbuh dengan subur guna dinikmati kemanusiaan sejagat. Ini adalah ikhtiar yang tidak mustahil.

[Artikel ini telah disiarkan di Berita Harian, 6 Disember 2007]